

27 JUN 2000

Pas-Minyak

ROYALTI: PAS PERLU BEZAKAN ANTARA HAK DAN KEISTIMEWAAN

KUALA TERENGGANU, 27 Jun (Bernama) -- Kerajaan Pas Terengganu perlu memahami antara hak dan keistimewaan berhubung isu pembayaran royalti minyak dan tidak memainkan isu itu bagi mengaburi mata rakyat.

Ketua Penerangan Umno Bahagian Dungun, Senator Rosli Mat Hassan berkata hak pembayaran royalti minyak terletak di tangan Kerajaan Pusat dan apa yang diberikan kepada Terengganu sebelum ini adalah keistimewaan dan bukannya hak.

"Di bawah kerajaan Barisan Nasional (BN), Terengganu diberikan keistimewaan kerana ia ditadbir oleh sebuah parti dan dasar pembangunan yang sama dan apabila Pas berjaya memerintah Terengganu, keistimewaan itu wajar dikaji semula," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan pusat akan mengkaji sama ada peruntukan undang-undang memberikan hak kepada Terengganu untuk mendapatkan royalti minyak dan jika tiada peruntukan tertentu boleh diberikan.

Rosli yang juga Pengerusi Jawatankuasa Petrokimia Hiliran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) berkata pihaknya mengalu-alukan sebarang keputusan oleh Kerajaan Pusat berhubung isu tersebut.

Beliau babagaimanapun menyarankan apa jua perjanjian antara kerajaan BN Terengganu sebelum ini dengan Kerajaan Pusat ia perlu dikaji semula.

Menurutnya kemampuan kerajaan Pas untuk menguruskan soal pembangunan untuk rakyat di Terengganu juga perlu diambil kira jika royalti minyak itu diberikan kepada mereka.

"Di dalam manifestonya, Pas tidak mempunyai perancangan dan kerangka pembangunan yang konkrit di Terengganu dan sehingga kini mereka gagal menunjukkan kemampuan untuk membawa pembangunan di Terengganu," katanya.

Beliau berharap rakyat di Terengganu tidak akan keliru dengan isu royalti minyak yang cuba dieksploitasikan Pas, dan beliau memberi jaminan bahawa Kerajaan Pusat akan terus memberikan perhatian terhadap pembelaan nasib rakyat di negeri ini.

--BERNAMA

AYB RI